BAHASA MELAYU
TINGKATAN 4 KSSM
GURU BM: MUNSYI K'SEVEN

PENGAYAAN KOSA KATA
FRASA ARAS TINGGI

Kosa Kata yang Luas dan Jitu untuk Penulisan Karangan

= tepat sekali

A. *Padankan* **A** *dengan* **B** *untuk membentuk frasa*.

A	B
(a) merancakkan	• kaum marhaen
(b) mauduk	• murba
(c) rakyat	• wacana
(d) impak	• duri dalam daging
(e) memakmurkan	• sektor pariwisata
(f) menjadi	• positif

(i) merancakkan sektor pariwisata = menggiatkan bidang/lapangan pelancongan

(ii) mauduk wacana = tajuk karangan/perbincangan/rencana

(iii) rakyat murba = rakyat jelata

(iv) impak positif = kesan baik

(v) memakmurkan kaum marhaen = memajukan rakyat jelata

(vi) menjadi duri dalam daging = menyusahkan



B. *Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan frasa yang sesuai sekali.*

1 Barangan keperluan asas dapur yang terbabit termasuklah minyak masak, telur, daging ayam, rempah-ratus, bawang, sayur-sayuran, dan sebagainya. Jadi, yang menjadi mauduk wacana ialah faktor-faktor yang menyumbang kepada fenomna tersebut.

2 Gara-gara peningkatan kos sara hidup ekoran kenaikan harga barangan asas dapur, rakyat murba tidak mampu menghidangkan makanan yang berkhasiat.

3 Sehubungan dengan isu ini, pengguna hendaklah bijak mengurus kewangan, antaranya berjimat cermat. Dengan inisiatif ini, beban sosioekonomi pengguna dapat diringankan, tidak menjadi duri dalam daging.

4 Pengembaraan Malaysia (MATTA) menyatakan bahawa industri pelancongan negara kita berpotensi untuk berkembang maju. Persoalannya, apakah produk-produk pelancongan yang dapat merancakkan sektor pariwisata, dan apakah kepentingannya kepada nusa dan bangsa?

5 Kerancakan sektor pelancongan memang memberikan impak positif kepada rakyat. Dengan erti kata lain, sosioekonomi rakyat akan bertambah baik kerana sektor ini dapat menggerakkan ekonomi kampung dan menjanakan pendapatan rakyat, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

6 Pelancongan gastronomi, misalnya, akan menggalakkan penduduk kampung mengusahakan warung makanan yang menyajikan pelbagai makanan tradisional. Tegasnya, sektor pelancongan dapat memakmurkan kaum marhaen penduduk tempatan.

BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 KSSM

GURU BM: MUNSYI K'SEVEN

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
ASPEK MORFOLOGI & SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata kerja transitif**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap kata kerja aktif transitif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda memahami maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau sebagai kata nama khas.* [**Soalan 1: SPM KSSM 2021**]

Soalan 1: SPMU 2022 | Kata nama terbitan

Kita seharusnya sedar bahawa dalam memperoleh sesuatu ilmu, tiada jalan mudah dan singkat. Proses pembelajaran mengambil masa yang lama dan usaha yang berterusan diperlukan. Selain itu, kita juga perlu merujuk kepada sumber yang sahih. Buku seharusnya dijadikan sumber rujukan yang utama untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, kita sepatutnya lebih berhati-hati ketika memilih buku yang berkualiti. Hal ini dikatakan demikian kerana buku yang berkualiti mempunyai fakta yang lebih tepat dan benar berbanding dengan Internet yang kurang diketahui kesahihan maklumatnya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Gedung Ilmu, Pembacaan Kunci Utamanya'
oleh Mohammad Lutfi Zahid,
Dewan Siswa, Bil. 1/2018
[8 *markah*]

(i) memperoleh

Anak-anak murid dapat memperoleh kejayaan yang cemerlang dengan tekun belajar.

(ii) mengambil

Semasa melancong ke Pulau Langkawi, saya mengambil kesempatan untuk memancing ikan di laut.

(iii) mendapatkan

Kita perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengetua untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Pasir Salak.

(iv) memilih

Kita harus berhati-hati memilih pasangan hidup agar dapat hidup bahagia di dunia akhirat.

Baca petikan di bawah, kemudian kenal pasti dan tulis pola bagi ayat-ayat yang bergaris sama ada **Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)**, **Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)**, **Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN +FA)**, *atau* **Frasa Nama + Frasa Sendi 'Nama**. *Anda perlu menulis jawaban mengikut contoh seperti di bawah.*

Pola Ayat: FN + FK
FN: *Ahli sejarah Belanda, Francois Valentij*
FK: *mengatakan bahawa sesiapa yang datang ke alam Melayu perlu mempelajari bahasa Melayu*

Ahli sejarah Belanda, Francois Valentijn mengatakan bahawa sesiapa yang datang ke alam Melayu perlu mempelajari bahasa Melayu. Kini, pengajian bahasa Melayu ditawarkan oleh 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia . Sambutan pelajar luar negara terhadap Pengajian Bahasa Melayu yang sedemikian rupa tidak mungkin menjadi kenyataan sekiranya bahasa Melayu dianggap tidak bernilai ekonomi, seperti yang difikirkan oleh segelintir rakyat negara ini. Begitu positif sekali penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu . Jadi, sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu ialah individu yang tidak berjiwa patriotik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Upaya Bahasa Melayu Menguasai Masyarakat Antarabangsa
oleh Nawi Ismail,
Pelita Bahasa, Bil. 1 /2019
[6 *markah*]

(i) FN + FK

FN: pengajian bahasa Melayu
FK: ditawarkan oleh 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia

(ii) _____

FN: penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu
FA: begitu positif sekali

(iii) FN + FN

FN: sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu
FN: ialah individu yang tidak berjiwa patriotik

BAHASA MELAYU TINGKATAN 4 KSSM

GURU BM: MUNSYI K'SEVEN

Menukarkan Bahasa Melayu Klasik kepada Bahasa Melayu Standard

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** *tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, seorang pun tiada tinggal. Maka kata seorang, "Ini harta patik, tuanku.

Maka seorang, "Ini pun ia harta patik, tuanku.

Maka kata seorang, "Ini tuanku benda patik." Kata seorang, "Ini bantal patik, tuanku."

Setelah habislah dikenalinya segala yang empunya, maka titah raja, "Hai segala kamu sekalian hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana.

Dipetik daripada "Kepimpinan Melalui Teladan"
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dart Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Lalu, semua orang yang kehilangan harta berhimpun untuk masuk ke dalam istana bagi mengenal segala harta, seorang pun tidak tertinggal.

Kata seorang, "Harta ini harta patik, tuanku."

Lalu, kata seorang lagi, "Harta ini juga harta patik, tuanku."

Lalu, kata seorang lagi, "Harta ini harta patik, tuanku."

Kata seorang, "Bantal ini bantal patik, tuanku."

Setelah segala harta dikenali oleh pemiliknya, titah raja, "Segala harta kalian ini hendaklah dibahagi tiga, dua bahagian untuk Laksamana, sebahagian untuk pemilik harta, kerana harta yang sudah hilang itu ditemukan oleh Laksamana.